

**PENDEKATAN VISUAL UNTUK MENINGKATKAN  
KREATIVITI MURID CACAT PENDENGARAN  
DALAM MATA PELAJARAN PENDIDIKAN SENI  
VISUAL**

**NORZURAINA BINTI MOHD NOR**



**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2015**

PENDEKATAN VISUAL UNTUK MENINGKATKAN KREATIVITI MURID CACAT  
PENDENGARAN DALAM MATA PELAJARAN PENDIDIKAN SENI  
VISUAL

NORZURAINA BINTI MOHD NOR

DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN SENI  
(SARJANA PENYELIDIKAN)

FAKULTI SENI KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2015

## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah dengan rahmat dan hidayah daripada Allah SWT, saya telah diberi kekuatan fizikal dan mental untuk menyiapkan penyelidikan ini. Semoga Allah SWT merahmati semua yang terlibat dalam menyiapkan penyelidikan saya ini. Dorongan dan bimbingan kalian amat saya hargai.

Ucapan terima kasih yang tak terhingga saya ucapkan kepada Dr Ridzuan Hussin yang sentiasa menyumbangkan ilmu, kepakaran, idea, masa dan perhatian dalam membimbing saya sehingga terhasilnya kajian yang begitu membanggakan saya ini. Beliau banyak memberikan komen dan nasihat sepanjang penulisan tesis ini.

Terima kasih juga tak terhingga kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, kerana membenarkan saya menjalankan kajian di SK Pendidikan Khas Selangor. Kepada pihak sekolah, diucapkan terima kasih kerana sentiasa memberikan kerjasama yang baik sepanjang saya melakukan penyelidikan.

Kepada bonda Zainon Bte Ayob yang memberikan dorongan dan semangat kepada saya. Kepada anakanda tercinta iaitu Nisa dan Adriana yang terpaksa berkongsi masa dengan kesibukan saya. Terima kasih yang terhingga saya ucapkan atas dorongan kalian. Semoga semua sentiasa di bawah lindungan Allah SWT dan dicucuri rahmatNya.



## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis keberkesanan pengajaran dan pembelajaran menggunakan pendekatan visual semasa proses pengajaran dan pembelajaran dalam meningkatkan kreativiti murid cacat pendengaran. Pendekatan visual digunakan untuk memberi kefahaman yang jelas kepada murid cacat pendengaran yang melibatkan penggunaan modul yang dihasilkan berunsur grafik, objek sebenar dan bahan multimedia. Kajian ini juga melihat peningkatan kreativiti murid cacat pendengaran setelah menggunakan modul yang berdasarkan pendekatan visual yang terdapat di dalamnya elemen bahasa seni visual dan kaedah pengajaran. Kajian gabungan kualitatif dan kuantitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes instrumental. Sampel kajian terdiri daripada enam orang murid cacat pendengaran dan empat orang guru seni visual di Sekolah Pendidikan Khas Selangor Seksyen 18, Shah Alam. Data temubual dan pemerhatian diuruskan dalam bentuk rumusan manakala data tugas dan foto visual diuruskan dengan menggunakan perisian SPSS 17.0 bagi ukuran kecenderungan memusat. Teori Kecerdasan Pelbagai dan Teori Kreativiti berpandukan Model Proses Kreatif Terarah digunakan dalam pendekatan ini. Hasil analisis SPSS 17.0 mendapati min pencapaian menggunakan pendekatan visual sifgnifikan min tugas 4 iaitu 3.0000 (+) lebih tinggi daripada min tugas 1, 2 dan 3 iaitu julat min 0.6667(+). Hasil analisis SPSS 17.0 mendapati, tugas yang di hasilkan murid yang menggunakan pendekatan visual menunjukkan keberkesanan signifikan meningkat dengan penggunaan pendekatan visual semasa pengajaran dan pengajaran. Kajian menunjukkan modul yang dihasilkan dalam pendekatan visual dapat membantu murid cacat pendengaran meningkatkan hasil tugas di dalam kelas.

## **VISUAL APPROACH TO ENHANCE CREATIVITY OF HEARING IMPAIRED PUPIL IN PENDIDIKAN SENI VISUAL SUBJECT.**

### **ABSTRACT**

This research is intended to study and analyze the effectiveness of the teaching and learning using the visual approach in the process of teaching and learning to increase the level of creativity in students with hearing disability. Visual approach was employed to provide a clear understanding to students who are having hearing disability. The approach involves the usage of modules that having attributes such as graphic, real object and multimedia. This research also investigated the increment in creativity among the students after using the application of the module that based on the visual approach in which it consists of the visual arts language and teaching methodology. The combination of qualitative and quantitative aspects of the instrumental cases has been reviewed. The research sample consists of six subjects with hearing disability and four teachers involved in visual art teaching at Sekolah Pendidikan Khas Selangor Seksyen 18, Shah Alam. The data used is based on observation, interview, assignment and photographs. The data from the interview and observation have been complied in a summary whereas, the data gathered from the assignment and photographs have been formatted in SPSS 17.0 format to measure the tendency of converging. Multiply Intelligence Theory and Creativity Theory based on the *Model Proses Kreatif Terarah* has been used in this approach. The analysis found that the mean achievement SPSS 17.0 using visual approach significant 4 min assignment of 3.0000 (+) higher than the mean of tasks 1, 2 and 3 of the range of 0.6667 min (+). The analysis found that SPSS 17.0, a task that produced students who use visual approach showed significant effectiveness increases with the use of visual approach during teaching and learning. This research showed the module that has been developed involving the usage of visual approach for students with hearing disability could enhance their assignments outcomes in the classroom.

## KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xxi

### **BAB 1 PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Analisis awal	7
1.2.1 Analisis temubual guru	8
1.2.2 Analisis pemerhatian terhadap guru dan murid	9
1.3 Penyataan masalah	12
1.4 Tujuan kajian	16
1.4.1 Objektif kajian	16
1.5 Persoalan kajian	17
1.6 Kepentingan kajian	17
1.7 Batasan kajian	18
1.8 Skop kajian	19
1.9 Takrif istilah	20
1.9.1 Murid cacat pendengaran	20
1.9.2 Pendekatan visual	21
1.9.3 Kreativiti	22
1.10 Kesimpulan	24

### **BAB 11 SOROTAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan	25
2.2 Orang Kurang Upaya	26
2.2.1 Murid cacat pendengaran	26
a) Halangan yang dihadapi oleh murid cacat pendengaran	33
b) Komunikasi murid cacat pendengaran	35
2.3 Pendidikan Seni Visual	37
2.4 Murid cacat pendengaran dan Pendidikan Seni Visual	40
2.5 Murid cacat pendengaran dan kurikulum	44
2.6 Pendekatan visual	45
2.6.1 Media dalam pendidikan	49
2.7 Implikasi pendekatan visual terhadap kajian	52
2.8 Kreativiti	53
2.8.1 Pengukuran kreativiti	57
2.8.2 Model Proses Kreatif Terarah	58

2.8.3 Kajian Teoritis	61
2.9 Implikasi kreativiti terhadap kajian	63
2.10 Teori Kecerdasan Pelbagai	64
2.11 Implikasi Teori Kecerdasan Pelbagai	67
2.12 Kajian lepas	69
2.12.1 Kajian lepas berkaitan OKU	69
2.12.2 Kajian lepas berkaitan cacat pendengaran	71
2.13 Kesimpulan	74

**BAB 111 METODOLOGI**

3.1 Pengenalan	76
3.2 Rekabentuk kajian	77
3.3 Prosedur kajian	79
3.4 Sampel kajian	80
3.5 Tempat kajian	81
3.6 Tempoh kajian	82
3.7 Kajian rintis	83
3.8 Tatacara pengumpulan data	84
3.8.1 Pemerhatian	84
3.8.2 Temubual	88
3.8.3 Tugasan/ hasil seni	89
3.8.4 Foto visual	90
3.9 Matrik pengumpulan data	91
3.9.1 Modul V-OKU	92
3.10 Tatacara penganalisisan data	94
3.10.1 Teknik analisis data	96
a) Pemerhatian	
b) Temubual	
c) Foto visual	
d) Tugasan/hasil seni	
3.11 Kesahan dan kebolehpercayaan	103
3.11.1 Kebolehpercayaan instrumen temubual	103
3.11.2 Kebolehpercayaan instrumen pemerhatian	103
3.11.3 Kesahan terhadap modul V-OKU	104
3.11.4 Kesahan untuk tugas	104
3.12 Kesimpulan	105

**BAB IV DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan	106
4.2 Latar belakang sampel kajian	107
4.2.1 Latar belakang sampel kajian temubual T01	107
4.2.2 Latar belakang sampel kajian temubual T02	108
4.2.3 Latar belakang sampel kajian temubual T03	108
4.2.4 Latar belakang sampel kajian temubual T04	109
4.2.5 Latar belakang sampel kajian pemerhatian guru	109
4.2.6 Latar belakang sampel kajian pemerhatian murid	110

4.3	Dapatan kajian	110
4.3.1	Objektif 1 Mengenalpasti masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual untuk murid cacat pendengaran.	111
4.3.2	Objektif 2 Mengkaji penggunaan pendekatan visual dalam meningkatkan kreativiti murid cacat pendengaran.	140
4.3.3	Objektif 3 Menganalisis tugas seni murid cacat pendengaran dalam aktiviti menggambar.	163
4.3.4	Objektif 4 Menguji keberkesanan pendekatan visual dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual murid cacat pendengaran.	205
4.4	Kesimpulan	230
<b>BAB 5</b>	<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	232
5.2	Ringkasan kajian	233
5.3	Rumusan	234
5.4	Perbincangan dapatan kajian	236
5.4.1	Objektif 1 Mengenalpasti masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual untuk murid cacat pendengaran.	236
5.4.2	Objektif 2 Mengkaji penggunaan pendekatan visual dalam meningkatkan kreativiti murid cacat pendengaran.	239
5.4.3	Objektif 3 Menganalisis tugas seni murid cacat pendengaran dalam aktiviti menggambar.	241
5.4.4	Objektif 4 Menguji keberkesanan pendekatan visual dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual murid cacat pendengaran.	247
5.5	Implikasi dapatan kajian	250
5.5.1	Aspek teori dan penghasilan modul daripada dapatan kajian	250
5.5.2	Penemuan model kajian dalam pembangunan pendidikan	253
5.6	Cadangan	254
5.7	Penutup	256
	<b>RUJUKAN</b>	258

**LAMPIRAN**

A	Senarai nama rujukan pakar	266
B	Surat kebenaran menjalankan kajian UPSI	268
C	Surat kebenaran menjalankan kajian KPM	269
D	Protokol temubual guru	270
E	Contoh buku nota lapangan pemerhatian	271
F	Jadual matrik pengumpulan data	272
G	Modul V-OKU	273
H	Rubrik pemarkahan –Skema pemarkahan	274
I	Rubrik pemarkahan- Borang pemarkahan	275

**SENARAI JADUAL**

Jadual	Halaman
1.1 Bilangan murid Pendidikan Khas Masalah Pendengaran	3
1.2 Taburan demografi guru	8
1.3 Skedul rumusan temubual terhadap guru dalam proses pdp	8
1.4 Skedul rumusan pemerhatian	10
2.1 Tahap kehilangan pendengaran	32
3.1 Pemerhatian pdp di bilik darjah	85
3.2 Catatan pemerhatian	86
3.3 Tarikh dan jadual temubual	89
3.4 Modul V-OKU	93
3.5 Contoh rumusan pemerhatian guru dan murid cacat pendengaran	96
3.6 Contoh rumusan temubual guru dan murid cacat pendengaran	97
3.7 Skema pemarkahan untuk murid cacat pendengaran	100

3.8	Skor pemarkahan untuk tugasan murid cacat pendengaran	101
3.9	Borang pemarkahan tugasan murid cacat pendengaran	101
3.10	Contoh dapatan data tugasan dua	102
4.1	Rumusan masalah yang terdapat dalam pengajaran guru	114
4.2	Rumusan bentuk komunikasi guru dalam pdp	116
4.3	Rumusan masalah yang terdapat dalam pembelajaran	120
4.4	Pemerhatian 1	128
4.5	Pemerhatian 2	130
4.6	Pemerhatian 3	132
4.7	Pendekatan yang digunakan untuk meningkatkan kreativiti murid cacat pendengaran.	146
4.8	Rumusan penggunaan pendekatan visual	147
4.9	Rumusan peningkatan kreativiti selepas menggunakan pendekatan visual	148
4.10	Tugasan murid cacat pendengaran	151
4.11	Permerhatian tugasan 1	152
4.12	Permerhatian tugasan 2	153
4.13	Permerhatian tugasan 3	155
4.14	Rumusan media yang digunakan dalam pendekatan visual	156
4.15	Pendekatan yang digunakan dalam proses pdp	157
4.16	Skor markah murid berdasarkan gred	165
4.17	Borang pemarkahan sampel kajian 01 yang bertajuk Pemandangan di waktu petang.	167
4.18	Borang pemarkahan sampel kajian 02 yang bertajuk Pemandangan di waktu petang.	168

4.19	Borang pemarkahan sampel kajian 03 yang bertajuk Pemandangan di waktu petang.	169
4.20	Borang pemarkahan sampel kajian 04 yang bertajuk Pemandangan di waktu petang.	170
4.21	Borang pemarkahan sampel kajian 05 yang bertajuk Pemandangan di waktu petang.	171
4.22	Borang pemarkahan sampel kajian 06 yang bertajuk Pemandangan di waktu petang.	172
4.23	Dapatan data peratusan tugasan 1	172
4.24	Dapatan data tugasan 1	174
4.25	Borang pemarkahan sampel kajian 01 yang bertajuk Robot	177
4.26	Borang pemarkahan sampel kajian 02 yang bertajuk Robot	178
4.27	Borang pemarkahan sampel kajian 03 yang bertajuk Robot	179
4.28	Borang pemarkahan sampel kajian 04 yang bertajuk Robot	180
4.29	Borang pemarkahan sampel kajian 05 yang bertajuk Robot	181
4.30	Borang pemarkahan sampel kajian 06 yang bertajuk Robot	182
4.31	Dapatan data peratusan tugasan 2	183
4.32	Dapatan data tugasan 2	184
4.33	Borang pemarkahan sampel kajian 01 yang bertajuk Kampungku	187
4.34	Borang pemarkahan sampel kajian 02 yang bertajuk Kampungku	188
4.35	Borang pemarkahan sampel kajian 03 yang bertajuk Kampungku	189
4.36	Borang pemarkahan sampel kajian 04 yang bertajuk Kampungku	190
4.37	Borang pemarkahan sampel kajian 05 yang bertajuk Kampungku	191
4.38	Borang pemarkahan sampel kajian 06 yang bertajuk Kampungku	192
4.39	Dapatan data peratusan tugasan 3	193
4.40	Dapatan data min tugasan 3	194
4.41	Dapatan data bahasa seni visual untuk tugasan 1,2 dan 3	196

4.42	Dapatan data kreativiti tugasan 1,2 dan 3	197
4.43	Tahap penilaian mata penentu mengikut aspek dalam tugasan	201
4.44	Tahap penilaian mata penentu semua tugasan	202
4.45	Pemerhatian tugasan 4	210
4.46	Borang pemarkahan sampel kajian 01 yang bertajuk Pemandangan dasar laut	213
4.47	Borang pemarkahan sampel kajian 02 yang bertajuk Pemandangan dasar laut	214
4.48	Borang pemarkahan sampel kajian 03 yang bertajuk Pemandangan dasar laut	215
4.49	Borang pemarkahan sampel kajian 04 yang bertajuk Pemandangan dasar laut	216
4.50	Borang pemarkahan sampel kajian 05 yang bertajuk Pemandangan dasar laut	217
4.51	Borang pemarkahan sampel kajian 06 yang bertajuk Pemandangan dasar laut	218
4.52	Dapatan data tugasan 4	219
4.53	Pencapaian murid cacat pendengaran dalam tugasan yang menggunakan modul V-OKU	224
4.54	Tahap penilaian mata penentu semua tugasan	225
4.55	Dapatan kreativiti dan imaginasi antara dua kumpulan	226
4.56	Tahap penilaian mata tertentu mengikut tugasan antara 2 kumpulan	228

## SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
2.1 Tuah Atan menerima tokoh usahawan OKU 2009	28
2.2 Jiwa besar Muhammad Zhariff	30
2.3 Takdir Vujucic berjaya walaupun tanpa kaki dan tangan	31
2.4 Rupa geometri dan rupa organik	38
2.5 Ruang nyata	49
2.6 Ruang ilusi	49
2.7 Warna primer (asas)	40
2.8 Model proses kreatif terarah	59
2.9 Kitaran proses kreatif terarah	60
2.10 Kerangka teoritis kajian	61
2.11 Teori Kecerdasan Pelbagai	65
3.1 Gambaran bilik seni	87
3.2 Contoh tugasan hasil seni visual murid cacat pendengaran	89
3.3 Foto visual bilik seni	90
3.4 Prosedur pengumpulan data	95
4.1 Elemen pemerhatian	111
4.2 Prosedur pengumpulan data untuk persolan kajian 1	112
4.3 Proses pengajaran dan pembelajaran murid cacat pendengaran	125
4.4 Gambaran bilik seni, susunan murid dan perabot	127
4.5 Papan putih di dalam bilik seni	136

4.6	Kawasan sinki di dalam bilik seni	136
4.7	Rak penyimpanan bahan	137
4.8	Susun atur kedudukan meja di dalam bilik seni	138
4.9	Prosedur pengumpulan data untuk persoalan kajian 2	143
4.10	Strategi dan pendekatan yang didapati dari temubual	144
4.11	Carta alir proses tugas dilakukan	158
4.12	Carta komersil	159
4.13	Gambar dua dimensi	160
4.14	Media cetakan	160
4.15	Objek sebenar	161
4.16	Prosedur pengumpulan data untuk persoalan kajian 3	163
4.17	Model analisis aktiviti menggambar	165
4.18	Hasil seni sampel kajian 01 yang bertajuk pemandangan waktu petang	167
		167
4.19	Hasil seni sampel kajian 02 yang bertajuk pemandangan waktu petang	168
4.20	Hasil seni sampel kajian 03 yang bertajuk pemandangan waktu petang	169
4.21	Hasil seni sampel kajian 04 yang bertajuk pemandangan waktu petang	170
4.22	Hasil seni sampel kajian 05 yang bertajuk pemandangan waktu petang	171
4.23	Hasil seni sampel kajian 06 yang bertajuk pemandangan waktu petang	172
4.24	Peratusan dalam aspek penilaian markah tugas 1	175
4.25	Hasil seni sampel kajian 01 yang bertajuk Robot	177
4.26	Hasil seni sampel kajian 02 yang bertajuk Robot	178
4.27	Hasil seni sampel kajian 03 yang bertajuk Robot	179
4.28	Hasil seni sampel kajian 04 yang bertajuk Robot	180

4.29	Hasil seni sampel kajian 05 yang bertajuk Robot	181
4.30	Hasil seni sampel kajian 06 yang bertajuk Robot	182
4.31	Peratusan dalam aspek penilaian markah tugas 2	182
4.32	Hasil seni sampel kajian 01 yang bertajuk Kampungku	185
4.33	Hasil seni sampel kajian 02 yang bertajuk Kampungku	187
4.34	Hasil seni sampel kajian 03 yang bertajuk Kampungku	188
4.35	Hasil seni sampel kajian 04 yang bertajuk Kampungku	190
4.36	Hasil seni sampel kajian 05 yang bertajuk Kampungku	191
4.37	Hasil seni sampel kajian 06 yang bertajuk Kampungku	192
4.38	Peratusan dalam aspek penilaian markah tugas 3	195
4.39	Dapatan data peratusan gred murid	200
4.40	Prosedur pengumpulan data untuk persolan kajian 4	206
4.41	Model analisis aktiviti menggambar tugas 4	207
4.42	Wayang gambar	209
4.43	Perisian powerpoint	210
4.44	Hasil seni sampel kajian 01-Pemandangan dasar laut	213
4.45	Hasil seni sampel kajian 02-Pemandangan dasar laut	214
4.46	Hasil seni sampel kajian 03-Pemandangan dasar laut	215
4.47	Hasil seni sampel kajian 04-Pemandangan dasar laut	216
4.48	Hasil seni sampel kajian 05-Pemandangan dasar laut	217
4.49	Hasil seni sampel kajian 06-Pemandangan dasar laut	218
4.50	Kefahaman Bahasa seni visual untuk tugas 4	220
4.51	Peratusan dalam aspek penilaian markah tugas 4	221

4.52	Model analisis aktiviti menggambar semua tugasan	222
4.53	Peratusan dalam aspek penilaian keseluruhan tugasan	223
4.54	Pencapaian murid ccat pendengaran berdasarkan tugas	229
5.1	Model pengajaran guru PSV	251
5.2	Model komunikasi visual dalam bilik darjah	252
5.3	Model pengajaran berkesan dalam subjek PSV	253

## SENARAI SINGKATAN

BMKT	Bahasa melayu kod tangan
BPK	Bahagian pembangunan kurikulum
DSV	Dunia seni visual
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KBSR	Kurikulum bersepadu sekolah rendah.
KSSR	Kurikulum standart sekolah rendah
MCP	Murid cacat pendengaran
OKU	Orang kurang upaya
PdP	Pengajaran dan pembelajaran
PPK	Pusat Pembangunan Kurikulum
PSV	Pendidikan seni visual
TKP	Teori Kecerdasan Pelbagai
TPOKU	Tenaga pengajar orang kurang upaya
V-OKU	Visual orang kurang upaya

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN

Di dalam era globalisasi ini, pendidikan merupakan elemen terpenting dalam keperluan hidup manusia sejagat sama ada formal ataupun tidak formal. Akta pendidikan (1996) Pindaan Tahun 2002 yang dinamakan Perintah Pendidikan (Pendidikan Wajib) 2002 melaksanakan pendidikan wajib di peringkat sekolah rendah berkuatkuasa 1 Januari 2003. Ini bermaksud murid kelainan upaya juga wajib dalam mendapatkan pendidikan. Ia bukan sahaja dibincangkan di Malaysia namun dibincangkan di peringkat global. Menurut Pendidikan untuk Semua (EFA) Laporan Pemantauan Global, yang diterbitkan oleh UNESCO (2006), ia menggariskan matlamat iaitu mencapai kesetaraan peluang pendidikan dan persamaan hak dalam pendidikan pada tahun 2015.

Berikutnya dari itu, Pendidikan Seni juga berjaya mencuri tempat di mata dunia, Seminar Pendidikan Seni Antarabangsa dengan tema “*Building Creative Capacities for the 21st Century Lisbon*”, UNESCO (2006) di bawah naungan UNESCO diadakan khas untuk Pendidikan Seni di mana terkandung di dalamnya satu rangka kerja teori dan praktikal yang penting iaitu “Jelajah Seni untuk Pendidikan” atau “Road Map” di mana di dalamnya terdapat matlamat pendidikan seni antaranya ialah berkaitan “Pendidikan Seni untuk semua”. Perisyiharan dalam konvensyen antarabangsa bertujuan untuk memberikan setiap orang peluang dalam kehidupan seni dan budaya. Ia menggariskan Pendidikan Seni adalah hak asasi manusia sejagat, untuk semua pelajar, termasuk mereka yang sering dikecualikan daripada pendidikan, seperti pendatang, kumpulan minoriti budaya, dan “*orang kurang upaya*”. Penyataan ini diperakui dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat mengenai hak asasi manusia dan hak kanak-kanak. “*Perkara 27, setiap orang berhak secara bebas mengambil bahagian dalam kehidupan kebudayaan masyarakatnya, menikmati kesenian dan berkongsi dalam kemajuan sains dan faedahnya*”

Berdasarkan data Jabatan Pendidikan Khas, ini ialah bilangan murid Pendidikan Khas bermasalah pendengaran pada tahun 2007. Walaupun bilangan mereka kecil namun mereka juga mengikuti pendidikan sama seperti murid-murid lain termasuk mata pelajaran pendidikan seni.

*Jadual 1.1*

Bilangan Murid Pendidikan Khas Bermasalah Pendengara Program pendidikan khas bermasalah pendengaran

	2003	2004	2005	2006	2007
Bil. Murid SPSK	1717	1589	1574	1437	1564
Bil Murid Integrasi	429	416	636	389	711
Jumlah	2146	2005	2210	1826	2275

Sumber : Maklumat Pendidikan Khas 2007

Walaupun bilangan mereka kecil namun kebajikan mereka di pandang serius oleh semua pihak. Murid cacat pendengaran biasanya mempunyai masalah dalam komunikasi dan bahasa. Menurut Mohd Salleh (1999), murid cacat pendengaran ialah murid yang tidak dapat berinteraksi atau berkomunikasi dengan orang lain secara normal kerana mereka tidak boleh mendengar. Walaupun mempunyai kecacatan pendengaran namun mereka tetap perlu meneruskan kehidupan dan persekolahan. Hamdi (2010) menyatakan komunikasi amat penting dalam pendidikan. Sebahagian besar daripada tatacara pengajaran dan pembelajaran merupakan aktiviti yang melibatkan proses komunikasi untuk menyampaikan maklumat. Komunikasi yang dikatakan ini melibatkan semua pelajar tidak kira apa kecacatan yang dialami mereka. KPM telah menggunakan pendekatan komunikasi seluruh dalam pendidikan kanak-kanak cacat pendengaran dengan mengeluarkan pekeliling penggunaan (BMKT) di sekolah melalui surat siaran untuk mengumumkan penggunaan (BMKT) di Malaysia bagi mengatasi masalah komunikasi antara murid cacat pendengaran dengan dunia luar.

Komunikasi dan bahasa amat berkait rapat antara satu sama lain. Rohani (2001), menyatakan bahawa bahasa membantu kanak-kanak membentuk idea, Choong (2008), alat kepada perkembangan kendiri dan sosial, Martin (2009), membentuk hubungan sosial dan amat dekat dengan pemikiran. Atkinson, Richard, Smith & Bem (2001) menyokong kenyataan ini dengan menyatakan anak-anak harus menguasai semua tingkat bahasa untuk mengekspresikan fikiran dan barulah boleh mengkomunikasikan fikiran kepada perkara yang difikirkan termasuklah dalam membina kreativiti dalam menghasilkan hasil seni. Ia menyatakan tentang murid cacat pendengaran perlu menguasai bahasa samada bahasa visual atau lisan bagi membina kefahaman dalam menghasilkan sesuatu karya seni yang kreatif.

Pendekatan visual merupakan komunikasi antara murid cacat pendengaran dalam menerima dan mendapat maklumat yang disalurkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pendekatan visual ialah pendekatan yang menggunakan elemen visual sebagai asas utama iaitu penggunaan deria mata untuk mendapat kefahaman yang jelas tentang pengajaran yang ingin disampaikan. Kebiasaannya pendekatan menggunakan bahan maujud yang dapat dilihat oleh murid seperti nota, carta, slaid persembahan atau gambar. Pendekatan visual memainkan peranan yang besar dalam membina kefahaman berbahasa terutama yang melibatkan pendidikan seni. Daya pengamatan atau visual amat penting dalam menghasilkan sesuatu karya. Murid cacat pendengaran mempunyai kemahiran yang kuat dalam visual. Safarihairol (2007) menyatakan dalam kajiannya, seorang professor universiti dari Purdue menjalankan projek animasi komputer dan visual realiti untuk mengajar kanak-kanak cacat pendengaran. Mereka percaya guru yang tidak

mahir dalam bahasa isyarat dapat menyampaikan maklumat yang tepat mengenai konsep melalui karektor animasi. Melalui kajian ini juga dapat dilihat pendekatan visual memainkan peranan yang penting dalam membina kefahaman murid cacat pendengaran. Keberkesanan penggunaan media (visual) diperlukan dalam mengajar murid cacat pendengaran.

Menurut Vygotsky, alat yang digunakan dalam sesuatu budaya atau *cultural tools* seperti bahasa, media, televisyen dan komputer memainkan peranan yang sangat penting dalam meningkatkan komunikasi, pembelajaran dan pemprosesan pemikiran manusia ke tahap yang lebih tinggi (Stateuniversity.com, 2013). Kassim (2009) menyatakan penggunaan media menggerakkan pelajar secara aktif, guru akan dapat mengesan kemajuan mereka apabila pengajaran dilakukan dengan menggunakan media.

Schirmer (2001), berpendapat kanak-kanak melaksanakan aktiviti dalam Pendidikan Seni Visual sebagai cara untuk meningkatkan perkembangan kreativiti. Bidang seni visual sewajarnya diimplementasi dengan lebih giat menerusi pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah kerana bakat kanak-kanak dalam bidang tersebut perlu dilatih supaya lebih mahir dan dapat menanam minat dan meningkatkan kreativiti dalam bidang seni visual.

Laporan kepada Presiden dan Kongress Amerika Syarikat bertajuk “*To Improve Learning*”(1970) ada menyatakan dalam Kassim (2009) muka surat 98:

“...Tecnologi pengajaran bukan semata-mata sebagai pengantara atau alat tetapi lebih dari itu, ia adalah satu cara sistematik mereka bentuk,

*melaksana dan menilai proses pengajaran dan pembelajaran secara total mengikut objektif-objektif yang khusus berdasarkan kajian pembelajaran dan komunikasi manusia, serta menngunakan komunikasi sumber-sumber manusia dan bukan manusia untuk menghasilkan pengajaran yang lebih berkesan.”*

Kenyataan ini memberi impak yang besar dalam meningkatkan mutu pengajaran memerlukan perancangan yang sistematik dengan menggunakan komunikasi yang bersesuaian. Manakala Eko (2013) menyatakan ilustrasi visual memainkan peranan yang amat penting dalam strategi pembelajaran. Komunikasi yang melibatkan visual akan memberi impak yang lebih besar kepada murid cacat pendengaran dalam pembelajaran agar pembelajaran menjadi lebih aktif dan bermotivasi.

Choong (2008) menyatakan bahawa setiap individu mempunyai pelbagai kecerdasan yang dimanifestasikan pada tahap yang berbeza-beza. Setiap orang mempunyai profil kecerdasan yang pelbagai seperti yang dinyatakan dalam Teori Kecerdasan Pelbagai. Kecerdasan visual spatial ini berkaitan dengan ruang, ia menitikberatkan tentang visual semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Bagi murid cacat pendengaran elemen visual memainkan peranan yang amat besar dalam kehidupan mereka kerana mereka banyak menggunakan deria visual.

Bagi membantu murid cacat pendengaran ini, pendekatan yang sesuai amat diperlukan agar mereka memahami apa yang dipelajari dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kefahaman mereka kepada pengajaran akan memberi peluang kepada murid cacat pendengaran mengaplikasi apa yang dipelajarinya. Jadi, di sini kita akan mengetahui adakah kreativiti mereka akan meningkat selari dengan kefahaman mereka

terhadap pembelajaran dengan dibantu oleh pendekatan yang sesuai iaitu pendekatan visual.

## **1.2 ANALISIS AWAL**

Sebuah kajian analisis awal dijalankan pada bulan Mei dan Jun 2012 bagi memperolehi secara terperinci dan mengenalpasti masalah secara jelas. Mereka yang terlibat dalam kajian analisis awal ini terdiri daripada empat orang guru Pendidikan Seni Visual iaitu dua orang guru lelaki dan dua orang guru perempuan. Manakala murid yang terlibat pula ialah tiga orang murid lelaki dan seorang murid perempuan di tahap dua. Murid terdiri daripada murid tahun lima sekolah tersebut. Tujuan kajian analisis awal adalah untuk mengenalpasti masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual bagi murid cacat pendengaran. Permasalahan itu merangkumi faktor strategi proses pengajaran dan pembelajaran, faktor persekitaran seperti bahasa, idea, bahan dan faktor emosi dan sosial murid semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Kajian ini dijalankan dengan mendapatkan data menggunakan kaedah pemerhatian dan temubual.

*Jadual 1.2*

**Taburan Demografi Guru  
Maklumat Latar Belakang**

Jantina :	Lelaki	2	Perempuan	2
Lokasi sekolah :	Bandar			
Gred Sekolah :	B			
Opsyen :	Seni	3	Bukan Opsyen	1
Pengalaman mengajar :	< 10 Tahun	3		